

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG**  
**(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : BEKAS PEKERJA LADANG DI SELANGOR**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah isu perumahan merupakan isu utama bekas pekerja ladang di Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
  - Adakah Kerajaan Selangor bercadang mewujudkan skim sewa rumah kepada bekas pekerja ladang atau warisnya? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

- Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu di atas keprihatinan dalam bertanyakan soalan melibatkan kebijakan bekas - bekas pekerja ladang di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, pemilikan rumah sendiri menjadi satu keperluan dan aset terpenting bagi setiap keluarga. Justeru itu, tidak dinafikan isu perumahan adalah merupakan salah satu isu utama yang dihadapi oleh bekas - bekas pekerja ladang di Negeri Selangor yang sering dibangkitkan. Pekerja ladang dan bekas pekerja ladang boleh dikategorikan sebagai antara golongan yang miskin dan kurang berkemampuan. Sebilangan besar bekas - bekas pekerja ladang di negeri ini yang telah bersara daripada kerja – kerja sektor perladangan tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri. Semasa khidmat mereka sebagai pekerja ladang, kebiasaanannya majikan telah menyediakan kemudahan asas termasuklah kuarters perumahan di kawasan ladang selagi mana mereka masih berkhidmat di ladang tersebut dan kemudahan tersebut perlu dipulangkan semula selepas mereka telah bersara.

Salah satu punca bekas - bekas pekerja ladang di negeri ini tidak memiliki rumah adalah disebabkan kurangnya pendedahan dan kesedaran tentang pentingnya memiliki rumah sendiri disamping kos pemilikan sebuah rumah sendiri adalah diluar kemampuan mereka kerana pendapatan mereka yang rendah. Kebanyakan daripada mereka hanya meneruskan tradisi nenek moyang mereka yang lebih selesa mendiami rumah kuarters yang telah disediakan oleh majikan pada ketika itu.

Oleh yang demikian, sebilangan besar bekas - bekas pekerja ladang terpaksa menyewa rumah dengan kadar yang mahal bagi menempatkan keluarga mereka. Terdapat segelintir daripada bekas – bekas pekerja ladang terpaksa menjadi peneroka tanah kerajaan tanpa kebenaran untuk dijadikan sebagai tapak perumahan dan penempatan bagi meneruskan kehidupan mereka.

Turut terkesan daripada perkembangan ekonomi dan pembangunan yang begitu pesat, kawasan – kawasan ladang turut menjadi tumpuan bagi membangun kawasan berkenaan dengan pembangunan yang lebih moden dan tersusun. Secara tidak langsung, pekerja ladang dan bekas pekerja ladang terpaksa berpindah keluar daripada kawasan berkenaan bagi memberi ruang kepada pembangunan baru tersebut.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri melalui Estate Land Board (ELB) sentiasa berusaha dan berbincang bagi mendapatkan bantuan – bantuan seumpamanya untuk mengatasi masalah melibatkan pemilikan rumah kepada bekas – bekas pekerja ladang di kawasan ladang yang akan dibangunkan. Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak dapat mengarahkan dan membantu secara mutlak berhubung semua isu pemilikan perumahan oleh pekerja ladang dan bekas – bekas pekerja ladang memandangkan terdapat perjanjian yang dipersetujui diantara majikan, pekerja ladang dan pemaju yang berkenaan adalah merupakan diluar kawalan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Estate Land Board senantiasa memohon bantuan perumahan pekerja ladang diwajibkan kepada setiap majikan dan pemaju bagi membela nasib bekas pekerja ladang yang terlibat.

Sebagai alternatif, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah (LPHS) diwujudkan khusus untuk membantu rakyat dengan tidak mengira kaum untuk mendapatkan sebuah aset kediaman dengan harga yang mampu milik. Permohonan bagi mendapatkan Rumah Selangorku adalah terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor berdasarkan kelayakan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk mewujudkan skim sewa rumah khusus kepada bekas pekerja ladang atau warisnya kerana Skim Smart Sewa telah diwujudkan dan boleh dimohon oleh mereka yang berkelayakan. Buat masa ini, Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan penyewaan rumah PPR dan Skim Smart Sewa. Di antara syarat – syarat kelayakannya adalah seperti berikut :

### **Rumah PPR**

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berumur 18 tahun ke atas
- iii. Telah berkeluarga dan mempunyai tanggungan
- iv. Pendapatan seisi keluarga kurang dari RM3,000.00
- v. Pemohon dan suami / isteri tidak memiliki tanah atau rumah dalam daerah atau mukim yang sama

### **Skim Smart Sewa**

- i. Pemohon dan pasangan warganegara Malaysia
- ii. Berumur 18 tahun ke atas dan berkeluarga / mempunyai tanggungan
- iii. Pendapatan seisi keluarga :
  - Tidak melebihi RM5,000.00 sebulan dan ke bawah bagi Rumah Jenis A / Kos Rendah
  - Tidak melebihi RM15,000.00 sebulan dan ke bawah dengan keutamaan diberikan kepada pendapatan kurang daripada RM10,000.00 sebulan bagi Rumah Jenis B, C, dan D / Kos Sederhana / Sederhana Rendah
- iv. Pemohon atau pasangan tinggal / bekerja di Selangor
- v. Pemohon tidak memiliki kediaman di Selangor atau mempunyai kediaman melebihi 50km daripada tempat sewa dipohon dengan syarat tempat kerja pemohon dalam lingkungan 25km perjalanan
- vi. Pemohon merupakan pengundi di Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : CAJ AIR SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Mohon penjelasan mengenai caj air sekarang yang dikenakan kepada pengguna:
    - Domestik
    - Komersial
  - Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi menjamin penerima Skim 20 Meter Padu Air Percuma terus kekal menikmatinya.

**JAWAPAN:**

- Tarif purata air terawat ketika ini adalah pada kadar RM1.39/m<sup>3</sup> berdasarkan kepada kadar yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Oktober 2006 dan berkuat kuasa mulai 1 November 2006. Sejak itu, tidak ada kenaikan tarif selama 12 tahun.

Kadar Tarif air bagi kegunaan domestik adalah seperti berikut:-

- RM0.57 bagi penggunaan antara 0-20 meter padu
- RM1.03 bagi penggunaan melebihi 20 meter padu hingga 35 meter padu
- RM2.00 bagi penggunaan melebihi 35 meter padu
- RM6.00 adalah kadar bayaran minima sebulan

Manakala bagi kegunaan komersial adalah seperti berikut:-

- RM2.07 bagi penggunaan antara 0-35 meter padu
- RM2.28 bagi penggunaan melebihi 35 meter padu
- RM36.00 adalah kadar bayaran minima sebulan

### **Jawapan (b)**

1. Program pemberian bekalan air percuma bagi 20 meter padu pertama dengan nilai sebanyak RM11.40 setiap bulan kepada pengguna domestik yang bermeter individu telah dilaksanakan bermula 1 Jun 2008. Program adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor.
2. Walaupun pada peringkat awal, program ini memberi penumpuan kepada golongan berpendapatan rendah, namun Kerajaan Negeri kemudiannya telah mengambil keputusan untuk memperluaskan pemberian kemudahan ini kepada semua penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan selagi mereka merupakan pengguna domestik yang menggunakan meter individu.
3. Semenjak dilaksanakan pada Jun 2008 sehingga 31 Disember 2017, program ini telah menelan belanja yang dianggarkan sebanyak RM1.6 bilion. Jumlah yang dibelanjakan untuk membiayai program air percuma ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Sehubungan dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar bahawa kos yang perlu dibelanjakan bagi membiayai program air percuma ini amatlah tinggi, namun demi usaha untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat, Kerajaan akan memastikan agenda peduli rakyat seperti ini akan terus dijunjung.
4. Oleh yang demikian, usaha untuk memuktamadkan pengambilalihan SPLASH adalah perlu untuk dilaksanakan bagi mewujudkan satu industri perkhidmatan bekalan air yang terurus dan holistik berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif. Selaku operator tunggal, Air Selangor tidak lagi terikat untuk membayar Kadar Air Pukal, *Fixed Monthly Payment* dan *Capacity Charge* dan ini dapat mengurangkan kos operasi dan akhirnya dapat menjamin kadar tarif yang *affordable* serta meneruskan Program Pemberian 20 meter padu Air Percuma kepada pengguna di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PENJUALAN TANAH DI PULAU INDAH, SELANGOR**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan sebenar tanah milik 1MDB di Pulau Indah yang dijual kepada pihak asing?
- b) Siapakah pemilik tanah di Pulau Indah itu sebelum ianya dibeli oleh 1MDB?
- c) Berapakah harga belian yang ditawarkan kepada pemilik tanah oleh 1MDB?

**JAWAPAN:**

a), b), dan c) dijawab bersekali

Hasil semakan Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) Klang mendapati bahawa tiada rekod pemilikan tanah oleh 1MDB di Pulau Indah, Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : STATUS PROJEK PR1MA DI SUNGAI MERAB**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah permohonan Projek PR1MA di Sungai Merab yang diterima oleh pihak Kerajaan Negeri?
  - Apakah syarat-syarat kelulusan yang diberikan kepada pihak PR1MA?
  - Mengapakah pihak Kerajaan Negeri tidak mempermudahkan kelulusan projek perumahan untuk rakyat ini?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan Negeri hanya menerima dan meluluskan satu (1) permohonan bagi membangunkan Projek PR1MA di Sungai Merab. Perincian pembangunan projek PR1MA adalah seperti di Jadual 1.
- Jadual 1 : Perincian Projek PR1MA

Pemaju	Komponen Pembangunan	Saiz (kp)	Bilangan Unit	Harga Jualan (RM)
Kumpulan Sakata Sdn. Bhd.	Rumah PR1MA	850 – 1,100	1,456	(RM235,000.00– RM305,000.00)
<b>Jumlah</b>			<b>1,456</b>	

- Syarat-syarat kelulusan yang diberikan kepada pihak PR1MA adalah sama dengan syarat-syarat yang diberikan kepada pemaju-pemaju lain yang mana ianya tertakluk kepada dasar-dasar semasa yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Negeri seperti keperluan penyediaan Rumah Selangorku, mematuhi Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan, Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan lain-lain dasar berkaitan.

c) Kerajaan Negeri tiada masalah dalam mempermudahkan / mempercepatkan kelulusan projek PR1MA demi merealisasikan projek untuk kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu dasar khusus iaitu Dasar Rumah Selangorku Berkaitan Pembangunan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang mana dasar tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 26/2017 yang diadakan pada 09 Ogos 2017 dan telah diluluskan oleh MMKN Ke 27/2017 pada 16 Ogos 2017. Dasar tersebut secara rasminya digunakan berkuatkuasa bermula pada 07 September 2017. Dasar tersebut juga bertujuan untuk memaklumkan kepada semua agensi kerajaan dan swasta seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan-Jabatan Teknikal, Pejabat Tanah Daerah (PTD), pemaju dan semua penggiat industri dalam sektor perumahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : KEMPEN KURANGKAN BEG PLASTIK**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan positif kempen kurangkan beg plastik terhadap usaha perlindungan alam sekitar?
- b) Apakah pandagan Kerajaan Negeri terhadap dakwaan bahawa caj 20 sen yang dikenakan telah membebankan para pengguna?

**JAWAPAN:**

- a) Pelbagai kesan positif yang diperolehi dengan pelaksanaan kempen ini seperti berikut:
  - i) Dapat mengurangkan mengurangkan pembuangan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah yang mana menurut kajian oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, bahan buangan plastik merupakan penyumbang kedua terbesar jumlah pembuangan sampah di tapak pelupusan;
  - ii) Terdapat pengurangan pembuangan sampah yang berpunca daripada plastik di Sungai Klang dan air sungai kini semakin bersih;
  - iii) Memelihara ekosistem kehidupan laut kerana terdapat banyak bukti dan kajian menunjukkan hidupan laut seperti penyu dan ikan paus sering termakan dan terbelit dengan bahan buangan plastik;
  - iv) Memelihara rantai makanan manusia ini kerana apabila bahan plastik terurai, ia akan mengeluarkan bahan beracun yang akan meresap ke dalam tanah atau air yang boleh mencemarkan sumber makanan manusia; dan
  - v) Selain daripada itu, pengurangan penggunaan plastik juga dapat mengurangkan penggunaan minyak petroleum untuk tujuan penghasilan plastik. Di mana, penggunaan petroleum untuk menghasilkan plastik akan menjaskan bekalan petroleum.

- b) Caj RM0.20 yang dikenakan ke atas permintaan beg plastik sebenarnya tidak membebankan pengguna kerana sehingga kini kempen ini mendapat sambutan yang baik di kalangan pengguna dan peniaga. Penerimaan ini dapat dilihat semasa tinjauan di premis perniagaan dimana pengguna sudah sedar tentang kesan kempen ini terhadap alam sekitar dan telah mula membawa sendiri beg kitar semula atau menggunakan kotak yang disediakan oleh pasaraya sewaktu membeli-belah.
- c) Kerajaan Negeri menggalakkan peniaga untuk menggunakan kutipan caj 20 sen tersebut bagi melaksanakan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar. Selain itu, para peniaga di Selangor turut melaksanakan program berbentuk kemasyarakatan dan kebajikan seperti:
  - i) Pembersihan dan mencantikkan Sungai Klang dan program pembersihan pantai;
  - ii) Pengedaran *recycle bag* secara percuma di pasaraya;
  - iii) Kempen kebajikan dan pemberian sumbangan di rumah anak yatim, orang tua dan pertubuhan kebajikan;
  - iv) Menjalankan sumbangan majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan miskin;
  - v) Pemberian sumbangan sempena Hari Raya kepada golongan asnaf dan pemberian bubur lambuk secara percuma; dan
  - vi) Sumbangan kepada keluarga miskin sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Setakat ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membatalkan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena walaupun ada pihak yang membantah pelaksanaan kempen ini. Ini adalah kerana kempen ini merupakan satu inisiatif yang baik terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dan sekaligus memberikan kesan jangka panjang terhadap kebersihan dan kesihatan penduduk di Negeri ini. Malahan terdapat kesedaran di kalangan masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar di mana rakyat kini lebih selesa membawa sendiri *recycle bag* untuk membeli belah.

Selain itu, sejak diperkenalkan pada bulan Januari 2010, kempen ini juga mendapat sambutan yang amat baik dari pertubuhan bukan kerajaan dan pengguna. Apa yang perlu ditekankan adalah sokongan dan kerjasama dari kalangan pemimpin-pemimpin negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan rakyat negeri Selangor untuk sama-sama ke arah menjayakan kempen ini demi kesejahteraan generasi yang akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BINAAN TAPAK PERKUBURAN CINA DI KAMPUNG BUKIT CERAKAH  
YANG TERUS MENDAPAT BANTAHAN PENDUDUK SEKITAR TAPAH**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini kelulusan tapak tersebut selepas bantahan?
- b) Apakah manfaat besar yang penduduk sekitarnya akan perolehi sekiranya ia diteruskan?
- c) Apakah implikasi kepada kerajaan jika pembatalan atau pindaan dibuat atas kelulusan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pemohon telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang kepada pihak MDKS pada 23.10.2017 dan telah diluluskan dengan syarat mematuhi syarat-syarat jabatan teknikal. Walaubagaimanapun syarat-syarat yang dikenakan masih dalam proses pematuhan dan pemohon masih lagi menyediakan pelan-pelan berdasarkan kepada ulasan jabatan teknikal berkaitan.
- b) Mengikut kepada cadangan keperluan unjuran peruntukan Negeri Selangor dan cadangan perkuburan bersepadu yang dibuat pada Mesyuarat Teknikal Perancangan Tanah Perkuburan Wilayah Bersepadu di Negeri Selangor bil 1/2012 pada 13 Julai 2012 . Ianya dilaksanakan untuk keperluan penduduk masyarakat majmuk secara keseluruhan.
- c) Implikasi kepada kerajaan jika pembatalan dibuat ialah Kerajaan perlu membayar pampasan kepada pemaju mengikut nilai projek yang akan dibina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA (IWB)**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon menyatakan peruntukan yang diberi kepada Institut Wanita Berdaya (IWB) untuk tempoh 2017-2018.
- b) Apakah program yang telah dijayakan serta kos yang telah dibelanjakan sepanjang 2017?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi penubuhan Institut Wanita Berdaya sebagai sebuah badan pemikir khusus untuk merencana dasar dan inisiatif baru yang lebih progresif dalam memartabatkan wanita di Negeri Selangor. Oleh yang demikian peruntukan yang telah diluluskan untuk IWB adalah seperti berikut:-

Tahun	Tujuan	Jumlah (RM)
2017	Operasi IWB	1,000,000.00
	Dasar dan Program Pemberdayaan Wanita	1,697,540.00
<b>Jumlah Peruntukan Disalurkan (RM)</b>		<b>2,697,540.00</b>
2018 (sehingga Mac 2018)	Operasi IWB (fasa pertama)	500,000.00
	Program Pengukuhan Institusi Kekeluargaan	50,700.00

Tahun	Tujuan	Jumlah (RM)
	Program Promosi Mesej Kempen Awam #PressForProgress untuk Pemberdayaan Wanita	94,500.00
<b>Jumlah Peruntukan Disalurkan (RM)</b>		<b>645,200.00</b>

- b) Institut Wanita Berdaya telah melaksanakan beberapa program dan dasar yang telah dirancang bagi menjayakan matlamat penubuhannya dalam meningkatkan keupayaan dan sumbangan wanita di Negeri Selangor. Berikut adalah program-program yang telah dilaksanakan:

Tujuan	Jumlah (RM)
Dasar Wanita Selangor	420,150.00
Geran Penyelidikan	250,000.00
Program Perlindungan Kanak-kanak	590,000.00
Seminar Keseimbangan Kehidupan Bekerjaya	36,000.00
Persidangan Kebangsaan Gender dan Reformasi Pilihanraya	58,390.00
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>1,354,540.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : PELABURAN MASUK KE SELANGOR**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah pelaburan yang masuk ke Selangor pada 2017 mengikut negara.
- Nyatakan jumlah peluang pekerjaan yang wujud hasil dari pelaburan tersebut.

**JAWAPAN:**

- Jumlah pelaburan yang masuk ke Selangor pada tahun 2017 mengikut Negara seperti berikut:-

<b>Negara</b>	<b>Projek</b>	<b>Peluang Pekerjaan</b>	<b>Jumlah Modal Pelaburan (RM)</b>
Japan	13	756	533,596,629
Singapore	18	712	439,958,335
China	5	509	282,179,556
Netherlands	3	50	162,401,080
Germany	3	81	147,173,824
United Kingdom	3	110	81,786,670
Hong Kong	3	77	56,533,300
Norway	1	78	55,105,380
Taiwan	2	105	54,100,000
Thailand	3	134	44,200,461
India	1	86	37,977,854
Italy	1	30	34,598,087
Korea,Rep.	3	133	33,976,819
Egypt	1	39	30,000,000
Switzerland	1	0	20,593,892
Belgium	1	19	18,500,000
Sweden	1	1	13,518,503
Pakistan	1	58	11,610,000
Bangladesh	1	51	10,948,791
Cayman Island	1	39	6,814,000
France	1	21	6,720,000
Spain	1	44	6,700,000

<b>Iran</b>	1	0	6,671,660
<b>Syria</b>	1	30	6,100,000
<b>United States America (USA)</b>	2	0	6,039,535
<b>Australia</b>	3	29	5,540,684
<b>Rep. of Yemen</b>	1	9	2,453,789
<b>Lain-lain Negara</b>	12	853	49,099,687
<b>Jumlah keseluruhan (RM)</b>			<b>2,164,898,536</b>

Sumber : MIDA

- b) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 sebanyak 202 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 5,592,481,619 (RM 5.592 bilion). Dari jumlah ini sebanyak RM 3,427,583,083 (RM 4.428 bilion) adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 2,164,898,536 (RM 2.165 bilion) daripada pelaburan asing. Sebanyak 10,031 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada kelulusan projek-projek perkilangan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : KENDERAAN TERBENGKALAI**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha kerajaan dalam menangani masalah kenderaan terbengkalai yang semakin membimbangkan.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap masalah kenderaan terbengkalai atau kereta buruk terutamanya yang telah dibiarkan lama di tepi-tepi jalan atau di sekitar kawasan perumahan penduduk. Ini kerana, ia boleh mendatangkan risiko bahaya kepada penduduk dan ia juga boleh menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk Aedes. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa menjalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan secara berterusan bagi menangani masalah kenderaan terbengkalai.

Bagi perancangan jangka masa panjang, Kerajaan Negeri melalui UPEN telah melaksanakan Bengkel Penyelaras Garis Panduan Penguatkuasaan Kenderaan Terbengkalai Di Kawasan PBT Negeri Selangor bersama-sama pihak PBT, IPK Selangor dan JPJ Selangor pada 1 dan 2 Mac 2018 lalu bagi tujuan menyeragamkan garis panduan sebagai rujukan pihak PBT Negeri Selangor.

Selain itu, PBT juga ada yang telah menyediakan lokasi depoh atau tempat penyimpanan kenderaan terbengkalai yang telah disita bagi mengelakkan isu tiada tempat penyimpanan kenderaan yang disita. Secara keseluruhan, PBT Negeri Selangor mempunyai depoh kenderaan di **16 buah lokasi** seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Kuantiti Depoh</b>	<b>Lokasi Depoh Stor Simpanan Kenderaan</b>
1.	MBSA	2 Lokasi	i) Seksyen U16, Shah Alam ii) Seksyen 31, Shah Alam
2.	MBPJ	1 Lokasi	i) PT 566 Persiaran Kuala Selangor, Shah Alam
3.	MPSJ	4 Lokasi	i) Puchong Utama ii) TP 3, Taman Perindustrian Subang iii) Sri Puchong iv) Taman Perindustrian Bukit Serdang, Jalan PBS 14/2
4.	MPS	2 lokasi	i) Belakang Stadium MPS ii) Sg, Kertas, Gombak (tender operator swasta)
5.	MPKj	1 Lokasi	i) Tapak Semaian, Bandar Baru Bangi
6.	MPK	1 Lokasi	i) Jalan Tepi Sungai, Klang
7.	MPAJ	2 Lokasi	i) Ampang Avenue ii) Pandan Indah
8.	MPSp	1 Lokasi	i) Bandar Baru Salak Tinggi
9.	MDKS	1 Lokasi	i) Tanjung Keramat
10.	MDHS	1 Lokasi	i) Kawasan Industri, Jalan Kenanga, Bukit Beruntung
11.	<b>MDKL</b>	<b>Tiada</b>	<b>Kenderaan sitaan diletakkan di kawasan PBT. Sedang mencari lokasi tapak yang bersesuaian.</b>
12.	<b>MDSB</b>	<b>Tiada</b>	
<b>Jumlah</b>		<b>16 Lokasi</b>	

\*\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PERTANIAN**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan dan senaraikan projek-projek yang menggunakan kaedah pertanian persis oleh Jabatan Pertanian dan PKPS.
- b) Naytakan peruntukan yang disediakan bagi tujuan perlaksanaan kaedah tersebut.
- c) Apakah usaha kerajaan bagi menggalakkan petani menggunakan kaedah pertanian persis ini?

**JAWAPAN:**

Pertanian Persis atau *Precision Agriculture (PA)* juga dikenali sebagai pertanian jitu adalah merupakan satu konsep pertanian bagi petani mengawal segala aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggunaan baja, pengawalan perosak dan penyakit, penggunaan dan kandungan tanah untuk tanaman serta pelbagai lagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pertanian melalui penggunaan teknologi. Secara dasarnya, pertanian persis adalah merupakan suatu tindakan atau pelaksanaan secara betul dan tepat dari segi tempat, kaedah dan masa. Dengan penggunaan konsep pertanian persis ini, ianya dapat membantu petani untuk menilai dan memahami masa yang tepat untuk penanaman benih, penggunaan jumlah baja yang betul serta meramal jumlah hasil tuaian tanaman secara tepat.

- a) Antara penggunaan pertanian persis oleh Jabatan Pertanian Selangor pada ketika ini adalah :-
  1. Kaedah pertanian persis ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Selangor bagi penanaman padi. Pihak jabatan mempunyai rekod digital bagi siri tanah, nutrien dalam tanah, pH dan juga *Cation Exchange Capacity (CEC)* di mana data-data ini digunakan oleh untuk petani membuat amalan di sawah mereka. Kesemua rekod petani juga dikumpulkan dan disimpan secara sistematik dalam aplikasi yang dibangunkan bersama Jabatan Pertanian dan Agensi *Remote Sensing*.

2. Kaedah penanaman di dalam bangunan atau lebih dikenali sebagai *plant factory* yang merupakan kaedah baharu teknik penanaman dan pengeluaran hasil tanaman di dalam persekitaran terkawal. Konsep penanaman ini boleh dilaksanakan di dalam bangunan atau ruang tertutup serta ianya tidak menggunakan kawasan yang luas memandangkan ianya boleh ditanam secara bertingkat. Melalui konsep penanaman ini, pengusaha boleh mengawal sendiri suhu, tahap kelembapan, kepekatan karbin dioksida, intensiti cahaya dan jumlah baja mengikut jenis tanaman.
  3. Tanaman berkonsepkan fertigasi juga adalah merupakan kaedah penanaman yang menggunakan prinsip pertanian persis. Konsep pertanian fertigasi ini merupakan satu konsep penanaman yang kian popular di kalangan usahawan tani khususnya golongan generasi muda di Negeri Selangor. Dengan penggunaan konsep penanaman ini, pengusaha boleh mengawal sendiri jumlah penggunaan air, baja, menetapkan jumlah berat dan tahap kemanisan buah mengikut kehendak pasaran serta dapat meminimalkan penggunaan tenaga kerja. Ianya tidak menggunakan kawasan yang luas untuk mendapatkan hasil yang ekonomik (purata 1 ekar untuk 4,000 unit polibeg).
- b) Bagi menggalakkan penggunaan konsep pertanian persis ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.4 juta sebagai insentif kepada usahawan tanaman fertigasi. Bagi bidang penanaman padi pula cadangan untuk meningkatkan penggunaan jentera dan juga penggunaan *drone* untuk tujuan pembajaan dan pengawalan perosak. Dalam pada itu, melalui dapatan Pelan Induk Pembangunan Pertanian Selangor (PIPP) juga telah mencadangkan agar setiap pesawah dibekalkan dengan carta warna daun iaitu satu cara untuk mengenalpasti tahap kesuburan padi serta pengesahan penyakit padi yang boleh dikenalpasti pada peringkat awal sebelum ianya merebak dengan lebih teruk lagi sebagai contoh penyakit *Bacterial Leaf Blight (BLB)*.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa menyampaikan maklumat serta informasi tentang kebaikan pertanian berkonsepkan pertanian persis ini kepada usahawan tani melalui pegawai-pegawai pengembangan pertanian di setiap daerah serta melalui program-program seminar dan kursus pada setiap masa dan berharap agar pada masa akan datang setiap usahawan tani akan mula mengaplikasikan konsep pertanian persis ini secara lebih meluas.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat penyediaan peralatan yang menjurus kepada konsep pertanian persis dan telah menyediakan peruntukan sebagai insentif kepada usahawan tani dalam menggalakkan mereka menggunakan kaedah pertanian tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG**  
**(N22 TERATAI)**

**TAJUK : HAL EHWAL EKONOMI WANITA**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif Kerajaan Selangor kepada sektor swasta untuk membantu wanita kembali bekerja selepas cuti beranak?
- b) Apakah langkah - langkah Kerajaan Selangor untuk memberi peluang perniagaan / kerjaya kepada ibu yang hanya boleh bekerja dalam masa yang lebih fleksibiliti?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor dalam fasa untuk merangka beberapa program dan kajian berkaitan dengan membantu wanita untuk kembali bekerja selepas cuti bersalin ataupun wanita yang telah lama bercuti akibat dari cabaran penjagaan anak mahupun orang tua yang sering diletakkan di bawah tanggungjawab wanita atau isteri.

Antara perancangan yang akan dilaksanakan adalah untuk mengkaji syarikat-syarikat di bawah Kerajaan Negeri bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita atau isteri yang ingin kembali bekerja selepas cuti yang lama. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan digunakan untuk mewujudkan program-program yang mampu untuk meningkatkan jumlah peluang pekerjaan yang boleh disertai oleh wanita atau isteri sekaligus berkhidmat kepada Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri dalam perancangan menyediakan insentif atau geran kepada syarikat-syarikat swasta yang ingin menyertai atau melancarkan program kembali bekerja kepada wanita atau isteri di Negeri Selangor seperti yang telah disyorkan dalam Dasar Wanita Selangor. Program ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada wanita atau isteri untuk belajar dan menambah kemahiran kerana telah lama meninggalkan dunia pekerjaan.

- b) Beberapa program telah diwujudkan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para wanita untuk menceburi bidang perniagaan iaitu program Skim Mikrokredit Hijrah. Program ini menyediakan bantuan pinjaman modal perniagaan sehingga RM50,000.00 kepada pemohon yang layak mengikut syarat-syarat yang telah

ditetapkan. Skim ini memberikan peluang pekerjaan kepada wanita untuk menceburi bidang perniagaan disamping dapat meluangkan masa bersama dengan keluarga. Ini kerana skim ini memberikan masa yang fleksibel kepada wanita dalam menguruskan masa samada masa bersama keluarga mahupun pekerjaan.

Selain daripada itu juga, pihak Kerajaan Negeri melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) telah menyediakan peruntukan berjumlah RM3,000,000.00 bagi menjalankan aktiviti dan latihan kemahiran yang berkaitan pemberdayaan wanita terutama dalam bidang ekonomi dan keusahawanan bagi melahirkan usahawan tempatan wanita serta memperbaiki taraf hidup dan sosioekonomi keluarga. Melalui aktiviti dan latihan kemahiran di bawah program-program PWB seramai 101 orang usahawan wanita telah dilahirkan setakat Oktober 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : HADIAH MASUK UNIVERSITI**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima Hadiah Masuk Universiti dari 2015-2017 mengikut jantina.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk perkara tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah penerima Hadiah Masuk Universiti dari tahun 2015 hingga tahun 2017 seramai 19,120 orang. Sebanyak 7,145 orang adalah penerima lelaki manakala 11,975 adalah wanita.
- b) Jumlah perbelanjaan bagi Hadiah Masuk Universiti bagi tempoh 2015 hingga 2017 ialah sebanyak RM19,120,000.00.(Sembilan Belas Juta Seratus Dua Puluh Ribu)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : DASAR DAN POLISI MEMBENARKAN WARGA ASING MENJALANKAN  
PERNIAGAAN KECIL/ SEDERHANA DALAM NEGERI**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Selangor untuk membenarkan warga asing menjalankan perniagaan kecil / sederhana dalam Negeri?
- b) Apakah dasar dan garis panduan Kerajaan Selangor untuk meluluskan lesen perniagaan yang dijalankan oleh warga asing atas nama syarikat yang mempunyai pengarah warganegara Malaysia?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri tidak membenarkan warga asing menjalankan perniagaan kecil / sederhana (kategori penjaja) selaras dengan Undang-Undang Kecil Penjaja (PBT) 2007. Ini kerana pemberian lesen bagi aktiviti penjajaan adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada warganegara untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan sebagai mata pencarian dan membangunkan ekonomi / keusahawanan di kalangan warganegara Malaysia. Walaubagaimanapun, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ada mengeluarkan lesen kepada warga asing yang mempunyai syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai permit dan visa yang sah untuk menjalankan perniagaan tersebut. Di samping itu MBSA menetapkan jumlah modal berbayar syarikat terbabit hendaklah tidak kurang dari RM500,000.00.
- b) PBT tiada halangan bagi melesenkan mana-mana perniagaan yang dimiliki oleh warga asing atau dimiliki bersama oleh pengarah Warganegara Malaysia dengan syarat pemegang / penama lesen warga asing tersebut telah mempunyai visa dagang / visa sebagai pegawai dagang di atas nama syarikat yang terpakai seperti mana yang tertakluk di dalam syarat permohonan lesen perniagaan dan iklan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : JUMLAH PELANCONGAN DARI 2007 HINGGA 2017**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelancong ke Pulau Ketam dan Sg Lima
- b) Berapakah nilai pendapatan dari kemasukan pelancong ini bagi penduduk tempatan?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Tourism Selangor hanya menjalankan pengumpulan data statistik pengunjung serta proses kaji selidik kedatangan pengunjung ke Pulau Ketam bermula tahun 2017. Melalui data yang dikumpulkan, **seramai 223,759 orang pengunjung** yang direkodkan melawat Pulau Ketam sepanjang Tahun 2017.
- b) Anggaran resit pelancongan di Pulau Ketam bagi tahun 2017 adalah sebanyak **RM164 juta**, berdasarkan jumlah kedatangan pengunjung di Pulau Ketam sepanjang 2017. Data ini dikira berdasarkan purata perbelanjaan pelancongan seorang pelancong sebanyak RM733.00 merujuk kepada Laporan *Malaysia Tourism Key Performance Indicator* untuk tahun 2016 dari pihak Tourism Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : PEKERJA ASING**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah KNS dalam menangani kebanjiran pekerja asing di Selangor terutama dalam kontek peluang pekerjaan buruh dan peluang perniagaan kecil?
- b) Apakah peranan PBT bagi memastikan perkara di atas dapat di tangani dan yang boleh dimainkan oleh PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Selaras dengan **Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bil. 3 Tahun 2008, Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan** iaitu “permit hendaklah dikeluarkan kepada warga negara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat perniagaan sepanjang masa. Tindakan membatalkan permit tersebut akan diambil ke atas warga negara Malaysia yang memindah milik permit perniagaan mereka kepada warga asing atau tidak menjalankan sendiri perniagaan tersebut”, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak membenarkan pengeluaran lesen perniagaan kepada bukan warganegara Malaysia.
- b) PBT Negeri Selangor melaksanakan tindakan penguatkuasaan dibawah Undang-Undang Kecil yang sedang berkuatkuasa ke atas isu yang melibatkan pekerja asing di dalam sektor perniagaan. Di antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh PBT adalah seperti:
  - i) Menjalankan operasi bersepodu bersama Jabatan Imigresen Malaysia bagi memastikan tindakan penguatkuasaan lebih efektif dan efisyen;
  - ii) Sentiasa melaksanakan tindakan pemantauan di tapak-tapak penjaja dan premis perniagaan kecil bagi memastikan peniaga mematuhi syarat-syarat pelesenan serta tidak menyerahkan perniagaan kepada pihak lain atau warga asing;

- iii) PBT akan menarik balik dan membatalkan lesen perniagaan yang telah diberikan sekiranya pemilik membenarkan warga asing menggunakan lesen perniagaan tersebut; dan
- iv) Pengambilan pembantu gerai/premis perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : KESIHATAN MENTAL**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif KNS untuk memupuk kesedaran dan mendidik masyarakat khususnya dikalangan wanita melalui peruntukan 1juta yang telah di sediakan?
- b) Sila nyatakan program yang telah di laksanakan mengikut PBT atau Daerah.
- c) Sila nyatakan objektif setiap program tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Speaker,

**Soalan a), b) dan c) dijawab bersekali**

Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM1 juta di dalam Belanjawan Negeri Selangor tahun 2018 untuk melaksanakan Program Kesihatan Mental. Kerajaan Negeri Selangor telah mempunyai Pusat Kaunseling Selangor (Talian Sahabat) yang memberikan khidmat psikologi dan kaunseling kepada masyarakat awam negeri Selangor. Seramai 35 orang Kaunselor Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia bagi membantu klien yang memerlukan. Ketika ini terdapat 5 lokasi bilik kaunseling yang mengikut standard perkhidmatan kaunseling iaitu :

- i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri - Tingkat 3 dan 7;
- ii) Kompleks PKNS Shah Alam - Tingkat LG;
- iii) Majlis Perbandaran Selayang;
- iv) Majlis Perbandaran Ampang Jaya; dan
- v) Majlis Perbandaran Sepang.

Salah satu program yang dilaksanakan adalah Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) yang memfokuskan untuk membantu rakan sekerja yang dalam keadaan kurang bermotivasi, kemurungan dan lain-lain. sehingga kini, jumlah AKRAB di negeri Selangor mencecah 500 orang.

Terdapat juga perkhidmatan kaunseling kepada semua Penjawat Awam Negeri Selangor yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Selain itu, Program Khidmat Cemerlang dianjurkan khusus kepada pegawai dan kakitangan yang bermasalah disiplin dan kurang bermotivasi. Modul yang digunakan adalah Dinamik Kelompok dan Kelompok Psikopendidikan.

Satu Inventori Psikologi turut dilaksanakan kepada Penjawat Awam Negeri Selangor bagi menilai tahap kesejahteraan psikologi. Sekiranya terdapat pegawai yang didapati berada dalam keadaan *Depression*, pegawai tersebut akan diminta menjalani sesi kaunseling khusus bagi mengatasinya.

Selain itu, Program Bicara Psikologi kerap kali diadakan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan kesejahteraan psikologi dan akan diperkembangkan lagi ke peringkat lebih luas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN**  
**(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MASALAH PEDOFILIA**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Sila menyatakan peranan dan tanggungjawap kerajaan untuk membantu mangsa pedofilia di Selangor.
- Bagaimanakah kerajaan dapat menangani masalah ini yang menjadi salah satu punca gejala sosial yang merosakkan kerharmonian dan kebahagian rumah?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat,  
Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bertanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak dengan melindungi mereka dari penderaan melalui peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.  
Statistik tahun 2015 hingga tahun 2017 menunjukkan bahawa jumlah penderaan fizikal, emosi dan seksual terhadap kanak-kanak di Negeri Selangor adalah berjumlah 2,529 kes seperti pecahan berikut:
  - Penderaan fizikal : 1,517 kes
  - Penderaan emosi : 95 kes
  - Penderaan seksual : 917 kes

Mangsa penderaan kanak-kanak akan diselamatkan dan diberi perlindungan oleh JKM. Sesi kaunseling juga akan dijalankan oleh pegawai kaunselor bagi kes yang memerlukan.

- Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor sangat komited untuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak di Negeri Selangor dengan melaksanakan pelbagai program advokasi berkaitan kesejahteraan kanak-kanak pada tahun 2016 dan 2017.

Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah :

- Seminar Literasi Media untuk Perlindungan Kanak-Kanak** yang telah dihadiri oleh 400 orang peserta dalam kalangan pengasuh dan guru TASKA di Selangor

berkenaan kesan teknologi dan media sosial dalam perkembangan kanak-kanak serta isu pedofilia.

2. **Seminar Hak dan Keselamatan Kanak-Kanak** yang melibatkan 600 orang peserta dalam kalangan ibubapa, para guru dan pengasuh TASKA. Program ini memberi pendedahan kepada para peserta akan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan kanak-kanak agar jenayah yang melibatkan kanak-kanak dapat dikurangkan.
3. **Program Peningkatan Kesedaran Terhadap Gejala Sosial Di Kalangan Remaja Perempuan Negeri Selangor** melalui “Big Girls Talk” yang telah dihadiri oleh 400 orang remaja perempuan di Selangor. Program ini memberi pendedahan kepada para peserta akan risiko-risiko gejala sosial serta pencegahannya.
4. **Program Selangor Teen Volunteers** yang telah dilancarkan pada 28 Ogos 2016 merupakan satu platform bagi menanam kesedaran sifat tolong-menolong serta prihatin kepada masyarakat sekeliling selain mencungkil potensi diri kanak-kanak agar dapat membina keyakinan dan membentuk keperibadian yang mulia dalam kalangan kanak-kanak di Selangor. Sehingga Februari 2018, JKM Selangor telah mendaftarkan sejumlah 301 orang kanak-kanak sebagai Selangor *Teen Volunteers*.  
Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah melaksanakan program-program bagi menangani kes penganiayaan kanak-kanak pada tahun 2017 seperti berikut:

1. **Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah Sahabat Bijak: Safe & Protect.**

Bagi tahun 2017, JKMN Selangor telah mengadakan enam (6) Kempen Keselamatan Kanak-Kanak di Sekolah Sahabat Bijak: Safe & Protect. Kempen ini adalah bagi tujuan:

- i. Menyebar luas maklumat berkaitan keselamatan kanak-kanak
- ii. Memberi kesedaran kepada ibu bapa/penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang pentingnya untuk menjaga keselamatan kanak-kanak
- iii. Memberi pendedahan literasi undang-kepada semua pihak berkaitan hukuman yang dikenakan kepada pesalah kanak-kanak
- iv. Memberi pendedahan kepada kanak-kanak, ibu bapa/penjaga, guru-guru serta masyarakat tentang bentuk-bentuk bantuan berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak

**2. Program Kecerdasan Emosi**

JKM Selangor melalui Bahagian Kaunseling dan Psikologi telah menganjurkan program Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak. Objektif program adalah mendedahkan kanak-kanak kepada isu sosial dan perlindungan kanak-kanak dan seterusnya meningkatkan kendiri mereka supaya dapat menghadapi isu sosial dan keselamatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PEMBINAAN 12 KIOSK**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan 12 kiosk peniaga kecil yang telah diluluskan oleh MBSA di hadapan Pejabat Adun ?
- b) Apakah status cadangan pembinaan kompleks pasar moden 6 tingkat di atas sebahagian lot 1057 Seksyen U19 Paya Jaras Tengah ?

**JAWAPAN:**

- a) Projek ini akan diiklankan pada 19 Mac 2018 dan berakhir pada 26 Mac 2018. Kerja-kerja di tapak dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya pada bulan Mei 2018 setelah proses penilaian tender dibuat.
- b) Status pewartaan tapak Pasar Moden di Seksyen U19 masih dalam peringkat penyediaan kertas kerja oleh Pejabat Tanah Daerah Tanah Petaling (PTD) dan masih belum di angkat ke MMKN untuk tindakan kelulusan pewartaan.

Pihak PTD memaklumkan kesukaran untuk mewartakan tapak padang bola bersekali dengan tapak pasar moden memandangkan kedua-dua tapak tersebut mempunyai kegunaan yang berbeza.

Sekiranya permohonan pewartaan tapak padang bola tidak diluluskan, keluasan tapak pasar moden yang boleh dibangunkan adalah berkeluasan 1,937 ekar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMBATALAN PROJEK PERUMAHAN SELANGORKU**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan nama-nama projek tersebut bersama nama pemaju?
- Apakah tindakan yang di ambil oleh Kerajaan terhadap pemaju yang gagal menyiapkan rumah Selangorku?

**JAWAPAN:**

- Berdasarkan rekod dan semakan di lapangan, terdapat 9 projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh MMKN tetapi sehingga kini masih gagal untuk memulakan pembinaan Rumah Selangorku di tapak dalam tempoh masa 2 tahun seperti mana yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Negeri.

Senarai nama-nama projek dan nama pemaju adalah seperti berikut :-

No	Pemaju	Lokasi Projek
1	Angkasa Indah Sdn Bhd	Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 17395 Lot 64681, Jalan PJS 9/1, PJS 9, Bandar Sunway, Subang Jaya, Mukim Damansara Daerah Petaling.
2	Valiant Plus Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas PN 11847 Lot 83949 Mukim Klang, Daerah Klang.
3	D-Hill Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas GRN 49797 Lot 942 Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat
4	Sanjung Segar Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas Hakmilik HS(D) 67904 PT 3868 Dan HS(D) 67905 PT 3869 Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak.
5	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd. (YKT Lands Sdn. Bhd.)	Cadangan Rumah Selangorku di atas No Hakmilik PN 93260 Lot 23124
6	K.Y.K Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas HSD 134053 PT 69154 (sebahagian Lot asal 8597 Dan Lot 8598, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.

7	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik PM 854 GRN 54445 Lot 1048 dan sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak
8	Famemont Development Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di atas hakmilik HSM 725 Lot 3622 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.
9	Hua Yang Berhad (Pemaju Asal Regal Form Sdn. Bhd.)	Cadangan Rumah Selangorku di atas HS(D) 154349 PT 74041, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat

- b) Bagi pemaju yang ditarik balik kelulusan MMKN, Kerajaan Negeri akan mengambil seperti :-
- i. Kerajaan Negeri akan **menarik balik kelulusan MMKN** yang telah diperolehi oleh pihak pemaju.
  - ii. Mengesyorkan kepada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor untuk tindakan **memasukkan kaveat pendaftar** ke atas tanah tapak pembangunan Rumah Selangorku pemaju berkenaan dan kaveat tersebut hanya akan di tarik balik setelah pembangunan Rumah Kos Rendah / Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku di tanah berkenaan.
  - iii. **Menyenarai hitam** ahli Lembaga Pengarah syarikat pemaju yang telah dikenal pasti daripada menjalankan sebarang pemajuan pembangunan perumahan dan hartanah di Negeri Selangor serta akan di panjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tindakan penguatkuasaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tanah Rizab Melayu sehingga kini.
- b) Nyatakan keluasan tanah Rizab Melayu yang telah ditebus semula.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod PTGS data Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor sehingga Disember 2017. Jumlah keluasan TRM di Negeri Selangor yang telah diwartakan adalah sebanyak **400,246.02 ekar**.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, merujuk kepada Seksyen 8(ii), Enakmen Rizab Melayu (ERM), saya ingin menegaskan bahawa tiada apa jua pegangan Melayu boleh dipindahmilik, digadai, dipajak atau dilupuskan dengan cara lain kepada mana-mana orang yang bukannya seorang Melayu dan tiada apa jua memorandum pindahmilik, gadaian atau pajakan yang bertentangan dengan seksyen ini layak untuk pendaftaran di mana-mana Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Hakmilik.

Walaubagaimanapun, TRM ini boleh dibatalkan status pewartaannya. Namun ERM telah menetapkan supaya semua TRM yang dibatalkan hendaklah diganti. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri memandang serius ke atas penggantian TRM yang telah dibatalkan.

Mengikut rekod, jumlah TRM yang telah dibatalkan dari tahun 2010 hingga 2017 adalah sebanyak **154.7406 ekar**. Manakala, **5,401.2439 ekar** telah diisyiharkan (digantikan) sebagai TRM. Berikut adalah pecahan jumlah TRM mengikut tahun:

<b>Tahun</b>	<b>TRM Batal (ekar)</b>	<b>TRM Isytihar (ganti) (ekar)</b>
<b>2010</b>	10.0152	7.4688
<b>2011</b>	-	-
<b>2012</b>	50.3109	59.1952
<b>2013</b>	-	-
<b>2014</b>	5.705	273.6696
<b>2015</b>	77	258.3931
<b>2016</b>	9.6875	4800.1622
<b>2017</b>	2.022	2.355
<b>Jumlah</b>	<b>154.7406</b>	<b>5,401.2439</b>

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang dibatal digantikan agar terus kekal terpelihara dari segi jumlah kluasannya. Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 3 Tahun 2015 mengenai Garis Panduan Urusan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Awam Atau Kemudahan Awam Bagi Kegunaan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor Darul Ehsan yang dikuatkuasakan pemakaianya di Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) pada 20 Mei 2015. Pekeliling ini telah menetapkan sekiranya terdapat TRM yang terlibat dengan pengambilan, TRM yang dibatalkan hendaklah diganti serentak.